

IMPAK PANDEMIK PERKASA PENDIDIKAN PENTERJEMAH

Oleh:

Dr Anis Shahirah Abdul Sukur,
Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
&
Dr Siti Suriani Othman,
Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 16 November 2020

Penularan COVID-19 di negara ini meningkat Kembali dan menjadi buah mulut ramai. Hari Akademia yang disambut pada 5 Oktober setiap tahun juga bagai lenyap dari radar perhatian semua. Banyak isu-isu penting yang tenggelam kerana kerunsingan dan tindakan yang perlu diambil untuk menangani pandemik ini.

Namun, masih wujud golongan yang rutin kerjanya tidak terganggu dek COVID-19. Malahan permintaan terhadap hasil kerjanya semakin bertambah. Golongan yang dimaksudkan ialah penterjemah. Mereka ialah individu belakang tabir yang bertungkus-lumus dalam menyalurkan maklumat dan menyediakan hiburan dalam pelbagai bahasa.

Sama ada secara sedar atau tidak, kita semua menggunakan perkhidmatan penterjemah dalam kehidupan seharian. Individu dewasa yang terbatas pergerakannya akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mencari maklumat dengan membaca bahan dalam medium pelbagai bahasa. Agensi berita seperti BERNAMA misalnya menawarkan berita dalam beberapa versi bahasa untuk memenuhi keperluan pembaca daripada pelbagai kaum.

Selain itu, kanak-kanak menonton televisyen sebagai sumber hiburan. Rancangan televisyen yang ditayangkan dalam bahasa asing pula mempunyai sari kata. Realitinya bahan bacaan dan

sari kata dalam beberapa versi bahasa ini tidak muncul secara tiba-tiba dari kayangan. Wujud individu yang menterjemahkan bahasa asing ke dalam bahasa Melayu dan sebaliknya.

Penterjemah yang mahir mampu untuk menyampaikan mesej dalam sesuatu bahasa ke dalam bahasa lain dengan baik. Pada masa yang sama, penterjemah ini cakna dengan budaya, makna tersirat serta aspek teknikal medium. Kegagalan dalam menterjemah turut bermaksud kendala dalam usaha menyampaikan mesej dan halangan dalam proses berkomunikasi.

Oleh itu, kerjaya sebagai penterjemah tidak wajar dianggap sebagai kerjaya sampingan sebagaimana dianggap sesetengah orang. Terjemahan juga kurang sesuai dilabelkan sebagai perkara mudah yang mampu dilakukan oleh semua individu dwibahasa.

Hakikatnya, proses menterjemah merupakan aktiviti kognitif yang kompleks. Seawal membaca dan mengenal pasti makna perkataan, satu demi satu kemahiran diaplikasikan bagi menghasilkan produk terjemahan yang berkualiti.

Oleh itu, bidang terjemahan tidak wajar dipinggirkan dalam sistem pendidikan negara. Terdapat pelbagai universiti awam seperti Universiti Sains Malaysia dan universiti swasta yang menawarkan ijazah dalam bidang terjemahan dan ia harus dilihat sebagai satu bidang ilmu penting yang berupaya membawa sesebuah negara ke arah kemajuan intelek sebagaimana Jerman, Sepanyol, Perancis dan Jepun yang diiktiraf UNESCO sebagai antara 50 negara tertinggi dalam penterjemahan buku.

Dalam hal ini, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) serta Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) memainkan peranan penting dalam dunia akademik dan industri terjemahan

negara. Selain menterjemah, pelbagai kursus ditawarkan mengikut tempoh masa yang tertentu serta dengan yuran pendaftaran yang berpatutan.

Memandangkan penterjemah ialah individu yang bekerja secara bebas, mereka boleh belajar dari rumah atau mana-mana sahaja tempat mengikut keselesaan. Golongan ini bekerja mengikut jam yang ditetapkan oleh klien di seluruh dunia, sekali gus penterjemah berpotensi menjadi penuntut ilmu yang belajar mengikut jadual waktu yang anjal dan sekali lagi menjadi kelebihan, kerana pada era pandemik ini, banyak kursus pengajian di pusat pengajian tinggi yang tertangguh kerana keperluan proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka seperti kursus-kursus sains dan teknologi.

Berkaitan itu, pengenalan *micro-credential* dalam sistem pendidikan negara misalnya membolehkan para penterjemah berguru daripada pakar bidang secara dalam talian. Menerusi inisiatif ini, modul disusun mengikut kemahiran khusus seperti penilaian kualiti terjemahan dan proses berfikir sewaktu menterjemah. Oleh itu, ilmu yang disampaikan bersifat mikro, spesifik dan ekonomi apabila penterjemah membayar berdasarkan modul yang dipilih sahaja.

Di samping itu, penterjemah juga mempunyai kebebasan untuk mencorakkan resume masing-masing berdasarkan ilmu dan kemahiran spesifik yang dipelajari. Namun, adakah para penterjemah negara bersedia dengan inisiatif baharu ini?